

PENSYARIATAN PUASA

- Firman Allah SWT :*“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa. (Puasa yang diwajibkan itu ialah) beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka) kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui”.*

(Surah al-Baqarah : ayat 183-184)

- Ayat ini jelas menerangkan bahawa puasa telah diwajibkan kepada orang Islam kecuali beberapa golongan yang harus meninggalkannya seperti orang sakit, musafir dan orang tua yang tidak berupaya untuk berpuasa.

SIAPA YANG DIHARUSKAN UNTUK BERBUKA PUASA?

Orang Sakit

- Sekiranya dia berpuasa akan menambahkan kesakitannya atau melambatkan penyembuhan penyakit, dia boleh meninggalkan puasa tetapi wajib mengqada'kannya (ganti) setelah ia sihat.

Hilang Keupayaan Untuk Berpuasa

- Orang tua yang uzur, lemah kerana penyakit yang tiada harapan sembuh atau lemah secara semulajadi diharuskan untuk berbuka atau tidak berpuasa langsung.
- Bilangan hari yang ditinggalkan wajib dibayar fidyah sahaja dengan makanan asasi satu hari 1 cupak diberi kepada fakir dan miskin.

Perempuan Hamil/ Menyusukan Anak

- Sekiranya dia bimbang jika berpuasa akan membahayakan dirinya, diharuskan berbuka tetapi wajib mengqada'kannya.
- Sekiranya dia bimbang akan membahayakan kandungannya/ memudaratkan bayinya harus untuk berbuka tetapi wajib qadha' serta membayar fidyah bagi setiap hari yang ditinggalkan.
- * Pesakit perlu mendapatkan perakuan dari pegawai perubatan Islam sama ada boleh berpuasa atau sebaliknya.

PENGGUNAAN UBAT DAN ALATAN PERUBATAN KETIKA BERPUASA

Tidak Membatalkan Puasa

- Menggunakan ubat titis mata, titis/ cucian telinga (dengan syarat tidak sampai batas gegendang telinga);
- Pil tablet *nitroglycerin* (GTN) atau ubat yang menyamainya yang diambil secara meletakkannya di bawah lidah tanpa ditekan bagi merawat kesakitan dada (*angina pectoris*) bagi pesakit jantung;
- Prosedur tampalan gigi, cabutan, pembersihan gigi atau memberus gigi dengan syarat tidak menelan bahan semasa prosedur tersebut;
- Semua bentuk suntikan sama ada melalui lapisan kulit, otot, sendi atau salur darah;
- Perdermaan atau pemindahan darah;
- Penggunaan ubatan dalam bentuk sajian, balutan, plaster pada permukaan kulit;
- Pengambilan sampel darah untuk ujian makmal;
- Memasukkan tiub kecil (*catheter*) melalui salur darah untuk tujuan pemeriksaan seperti prosedur *angiogram* untuk pemeriksaan jantung;
- Menjalani *biopsy* iaitu pengambilan specimen atau cebisan daripada organ untuk tujuan analisa makmal;



BOLEHKAH BERPUASA KETIKA SAKIT?



- Pemeriksaan *laparoscop* (pemeriksaan dalaman) dengan memasukkan alat melalui dinding abdomen untuk pemeriksaan bahagian dalaman pesakit;
- Berkumur-kumur secara *gargle* (sehingga air hampir ke tekak) dan ubat teraputik semburan ke mulut yang tidak melibatkan proses menelan;
- Penggunaan ubat semburan (*spray*) hidung tanpa disedut;
- Rawatan dialisis untuk pesakit buah pinggang sama ada *hemodialisis* atau *peritonealdialisis*;
- Menjalani rawatan bius setempat atau separuh (*local*) dengan semburan atau suntikan setempat; dan
- Penggunaan ubat buasir dengan memasukkan semula kawasan buasir pada tempatnya tanpa melibatkan kawasan rongga yang dalam.

Membatalkan Puasa

- Penggunaan alat sedutan (*inhaler*) untuk rawatan lelah (*asthma*) atau penyakit paru-paru kronik;
- Memasukkan sebarang tiub kecil (*pessary*) atau ubat ke dalam faraj (*vaginal suppository*) termasuk prosedur cucian (*wash*), pemeriksaan dalaman vaginal (*vaginoscope*), atau pengawai perubatan memasukkan jari untuk melakukan pemeriksaan dalaman vagina wanita;

Sumber : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

- Memasukkan sebarang tiub *catheter*, alat pemeriksaan dalam saluran kencing (*urethroscope*), *barium* atau ubat pencuci yang dimasukkan sama ada ke dalam saluran kencing bagi lelaki atau wanita (contohnya memasukkan '*urinary catheter*' untuk rawatan sumbatan salur kencing);
- Penggunaan alat seperti *enema*, tiub *suppository*, teropong *proctoscope* atau jari pegawai perubatan yang dimasukkan ke dalam dubur atau *rectum* untuk pemeriksaan;
- Penggunaan teropong usus (*endoscope*) atau teropong perut (*gastroscope*) untuk tujuan pemeriksaan sistem penghadaman;
- Penggunaan bius menyeluruh yang melibatkan penggunaan gas.

HUKUM MENGQADA'KAN PUASA

Qadha' : Menggantikan puasa wajib (Ramadhan) yang ditinggalkan.

Fidyah : Mengeluarkan secupak makanan bersamaan 675 gram atau senilainya dengannya bagi setiap hari yang ditinggalkan. Contoh : pesakit yang tiada harapan sembuh dan tiada kemampuan untuk berpuasa serta disahkan oleh pegawai perubatan Islam.

Qadha' dan Fidyah : Tidak mengqada'kan puasa Ramadhan sehingga tiba Ramadhan yang berikutnya. Contoh : ibu hamil/ menyusui yang bimbang kandungannya/ bayinya terjejas.

Hukum yang dikeluarkan berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan.
Sila rujuk pendapat mazhab-mazhab untuk penilaian dan perbandingan.

Disediakan oleh :

Unit Hal Ehwal Islam
Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang
Tel : 03-3375 7000 samb. 1504/1507

**SILA LETAKKAN RISALAH INI
DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA**